

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN BUKAN LISAN****MESYUARAT KETIGA, DEWAN RAKYAT****PENGGAL KEEMPAT, PARLIMEN KETIGA BELAS****MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : JAWAB BUKAN LISAN**

**DARIPADA : TUAN AHMAD MARZUK BIN SHAARY  
[ BACHOK ]**

**TARIKH : 17 OKTOBER 2016 (ISNIN)**

**SOALAN :**

**TUAN AHMAD MARZUK BIN SHAARY [ BACHOK ]** minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan menyatakan jumlah nisbah Pegawai Kebajikan dan Penerima Bantuan mengikut kategori tahun sejak 1990. Apakah usaha kerajaan dalam memastikan bahawa layanan terhadap pemohon dan penerima bantuan dapat diuruskan dengan lebih baik daripada sebelum ini.

**JAWAPAN: YB DATO' SRI ROHANI ABDUL KARIM, MENTERI**  
**PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN**  
**MASYARAKAT**

Tuan Yang Dipertua,

Pihak Kerajaan amat prihatin akan cabaran yang dihadapi oleh golongan yang memerlukan. Dalam hal ini, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) telah menyediakan pelbagai skim bantuan kebajikan kepada kumpulan sasar yang memerlukan.

Bagi memastikan perkhidmatan dapat disampaikan dengan baik dan berkesan, JKM sentiasa memastikan bilangan pegawai adalah seiring dengan peningkatan kes yang ada. Pada tahun 1990an, Pegawai JKM yang menguruskan bantuan hanya dalam lingkungan 500 orang dengan jumlah kes 93 ribu dari pelbagai skim iaitu dengan nisbah seorang pegawai perlu menyelia sejumlah 186 kes penerima bantuan seorang. Walau bagaimanapun ketika ini, pertambahan jumlah penerima bantuan melebihi lima (5) kali ganda berbanding 1990 iaitu bagi tahun 2016 sehingga Julai, penerima bantuan adalah berjumlah 476,965 orang penerima. Walaupun ketika ini dengan pertambahan perjawatan di

bawah skim sosial (S) pelbagai gred iaitu berjumlah 3,274 orang pegawai, tetapi yang terlibat secara langsung dalam menguruskan pemberian bantuan hanya dalam lingkungan 1,500 orang sahaja di seluruh negara dengan purata nisbah 1 pegawai bagi setiap 350 kes.

Walaupun bagaimanapun, nisbah ini adalah berbeza mengikut kes di daerah. Bagi Daerah Melaka Tengah bilangan penerima bantuan adalah seramai 12,263 dengan bilangan pegawai seramai 17 orang (1 : 721), Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur penerima bantuan adalah seramai 10,185 dengan bilangan pegawai seramai 46 orang (1 : 221), Daerah Kuala Terengganu penerima bantuan adalah seramai 14,139 dengan bilangan pegawai seramai 16 orang (1 : 883) dan Daerah Johor Bahru penerima bantuan adalah seramai 10,641 dengan bilangan pegawai seramai 15 orang (1 : 709).

Bagi memastikan layanan terhadap pemohon dan penerima bantuan dapat diuruskan dengan lebih baik, Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) telah melaksanakan pelbagai inisiatif penambahbaikan berkaitan tatacara dan proses kelulusan bantuan kebajikan.

Sebagai contoh, sejak tahun 2010, JKM telah melaksanakan transformasi terhadap prosedur kerja bagi penyiasatan dan keputusan permohonan bantuan kewangan bulanan melalui kaedah Perekayasaan Proses dan Prosedur Kerja (PPPK) atau '*Business Process Reengineering (BPR)*'. Pelaksanaan proses dan prosedur kerja yang baru ini berupaya mempercepatkan proses penyiasatan dan keputusan permohonan bantuan kewangan di mana tempoh kelulusan dan pemberian bantuan kebajikan telah dipendekkan dari 2 bulan kepada 1 minggu untuk kes-kes yang jelas seperti OKU fizikal yang memohon Elaun Pekerja Cacat (EPC) serta permohonan yang mempunyai dokumen lengkap yang mana lawatan ke rumah klien tidak perlu dilakukan dan kelulusan diberikan serta-merta.

Mulai bulan Jun 2011, kuasa meluluskan bantuan bulanan persekutuan bagi kes-kes baru dan kes-kes kaji semula telah diturunkan daripada Pegawai Kebajikan Masyarakat Gred S41 kepada Penolong Pegawai Kebajikan Masyarakat Gred S27 ke atas yang dilantik.

Selain itu, mulai Jun 2013, kuasa meluluskan Bantuan Geran Pelancaran (BGP) juga telah diturunkan daripada Pengarah Kebajikan Negeri (PKMN) kepada Pegawai Kebajikan Masyarakat Daerah/Jajahan

(PKMD/J) di Semenanjung Malaysia tidak termasuk Sabah dan Sarawak.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : YANG BERHORMAT TUAN AHMAD MARZUK  
BIN SHAARY [ BACHOK ]**

**SOALAN :**

**YB Tuan Ahmad Marzuk bin Shaary [ Bachok ] minta PERDANA  
MENTERI menyatakan senarai projek pembangunan persekutuan yang  
telah dilaksanakan dalam kawasan Parlimen Bachok sejak 2013.  
Nyatakan jumlah kos dan status kemajuan.**

SULIT

**JAWAPAN: YB DATO' SRI AZALINA BINTI DATO' OTHMAN SAID**

**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, peruntukan bagi melaksanakan projek pembangunan persekutuan di Parlimen Bachok sejak tahun 2013 sehingga Oktober 2016 adalah sebanyak RM284.01 juta untuk 74 buah projek.

Sekian. Terima kasih.